**<u>PEMOHON DINASIHATKAN MEMBACA DENGAN TELITI ARAHAN DI BAWAH SEBELUM MENGISI BORANG</u>**

- SILA GUNAKAN **PEN DAKWAT HITAM** DENGAN **TERANG DAN JELAS DALAM HURUF BESAR**
- SALINAN DOKUMEN HENDAKLAH MENGGUNAKAN **KERTAS SAIZ A4** DAN **DIKLIPKAN** BERSAMA-SAMA BORANG PERMOHONAN [TIDAK MENGGUNAKAN DAWAI KOKOT *('STAPLES')*]
- CAP IBU JARI HENDAKLAH DITURUNKAN DENGAN **TERANG DAN JELAS** MENGGUNAKAN **PAD CAP IBU JARI BERWARNA HITAM**
- PENGGUNAAN **CECAIR PEMADAM TIDAK DIBENARKAN** PADA BORANG PERMOHONAN DAN DOKUMEN SOKONGAN PENGELUARAN KWSP

## 1.0 SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

| BIL. | DOKUMEN UTAMA | PERMOHONAN KALI PERTAMA | PERMOHONAN SETERUSNYA |
|---|---|---|---|
| 1. | **Borang Pengeluaran KWSP 9H (AHL)** | √ | √ |
| 2. | **Kad Pengenalan Diri**<br>(a) MyKad/ Kad Pengenalan Tentera/ Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);<br>**ATAU**<br>(b) Kad Pengenalan Polis **DAN** Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/ Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri);<br>**ATAU**<br>(c) Pasport. Jika ahli bukan warganegara Malaysia.<br><u>Nota :</u><br>• Salinan Kad Pengenalan tidak perlu sekiranya ahli pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pangkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan.<br>• Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau dokumen permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing.<br>• Salinan Kad Pengenalan **PERLU** dibuat di kedua-dua bahagian (depan dan belakang) di atas sekeping kertas saiz A4 seperti contoh di bawah :<br><br> | √ | √ |
| 3. | **Surat Tawaran Belajar** | √ | |
| 4. | **Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar yang asal**<br>• Mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP kecuali bagi IPT luar negara.<br>• Tarikh surat tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan diterima.<br><u>Nota :</u><br>• Bagi IPT luar negara dokumen lain yang mengandungi maklumat butiran pengajian dan yuran pengajian atau lain-lain maklumat berkaitan boleh diterimapakai. | √ | √ |
| 5. | **Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian**<br>• **Dikecualikan** kepada pelajar IPTA **ATAU** IPT luar negara **ATAU** IPTS dalam negara yang mendapat taraf universiti/ kolej universiti/ kampus cawangan universiti luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP **ATAU** Pelajar yang mengikuti Kursus Profesional/ Kemahiran secara terus dengan Badan Profesional yang disenaraikan di dalam Senarai Kursus Profesional/ Kemahiran yang diluluskan oleh KWSP.<br>**(a) <u>Kursus Akademik ATAU Kursus Profesional</u>**<br>• Surat Kebenaran Mengendalikan Kursus Pengajian yang masih sah laku dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi (JPS-KPT); **ATAU**<br>• Surat/ Sijil Perakuan Akreditasi Kursus oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA/ LAN). | √ | √ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **(b) <u>Kursus Profesional ATAU Kursus Kemahiran</u>**<br>• Surat Pengesahan Nilai Taraf Kursus Pengajian dikeluarkan oleh Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam; **ATAU**<br>• Surat Pengesahan oleh Badan-Badan Profesional yang diiktiraf Kerajaan atau Jabatan/ Agensi Kerajaan berkaitan mengesahkan kursus adalah setara dengan peringkat diploma dan ke atas.<br><br>**(c) <u>Kursus Vokasional ATAU Kursus Kemahiran</u>**<br>Sijil Pentauliahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia yang menyatakan bahawa kursus ini setara di peringkat sijil tahap 3, diploma (tahap 4) atau diploma lanjutan (tahap 5). | | |
| **BIL.** | **SAMBUNGAN DOKUMEN UTAMA** | **PERMOHONAN KALI PERTAMA** | **PERMOHONAN SETERUSNYA** |
| 6. | **Salinan Keputusan Peperiksaan Terkini** (pelajar IPTA **dikecualikan**)<br>• Pelajar IPTS dalam dan luar negara yang berada di tahun kedua pengajian dan seterusnya. | √ | √ |
| 7. | **Borang Temuduga**<br>• Pengajian di IPTS dalam negara dan luar negara sahaja.<br>• Sesi temuduga terhadap ahli/ anak ahli akan dijalankan di kaunter dan borang akan dilengkapkan oleh pegawai KWSP.<br><br><u>Nota :</u><br>• **Dikecualikan** untuk permohonan seterusnya jika pelajar masih mengikuti kursus pengajian dan di IPT yang sama; **ATAU**<br>• Permohonan yang dikemukakan secara pos dari luar negara untuk IPT luar negara. | √ | |
| 8. | **Bukti Kelayakan Mengikuti Pengajian**<br>• **Dikecualikan** kepada pelajar IPTA **ATAU** IPT luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP **ATAU** IPTS dalam negara yang mendapat taraf universiti / kolej universiti / kampus cawangan universiti luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP **ATAU** pelajar yang mengikuti Kursus Profesional / Kemahiran secara terus dengan Badan Profesional yang disenaraikan di dalam Senarai Kursus Profesional / Kemahiran yang diluluskan oleh KWSP.<br><br>Sijil Kelayakan Akademik perlu dikemukakan mengikut peringkat pengajian seperti berikut :-<br><br>**(a) <u>Peringkat Sijil Tahap 3</u>**<br>• Syarat kelayakan kemasukan adalah apa-apa syarat/kelayakan yang ditetapkan oleh pusat pengajian.<br>**(b) <u>Peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda</u>**<br>• Sijil SPM (sekurang-kurangnya 3 kredit) **ATAU** STPM (sekurang-kurangnya lulus satu subjek dengan pangkat C) **ATAU** Diploma **ATAU** kelayakan lain yang setara.<br>**(c) <u>Peringkat Ijazah Sarjana</u>**<br>• STPM (sekurang-kurangnya lulus satu subjek dengan pangkat C) **ATAU** Diploma/ Diploma Lanjutan **ATAU** Ijazah Sarjana Muda **ATAU** kelayakan lain yang setara.<br>**(d) <u>Peringkat Doktor Falsafah</u>**<br>• Ijazah Sarjana.<br><br><u>Nota:</u><br>**Bagi pelajar yang mengikuti pengajian kursus <u>Diploma Eksekutif/ Diploma Profesional</u> di IPTA atau IPTS Dalam Negara perlu mematuhi syarat berikut :-**<br>(a) Sekurang-kurangnya 3 kredit dalam Sijil SPM; **DAN**<br>(b) Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja. Surat Pengesahan Majikan perlu dikemukakan yang menyatakan tempoh perkhidmatan, jawatan dan bidang tugas pekerja. | √ | |
| 9. | **Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli**<br><br>Buku Bank/ Penyata Akaun Simpanan **ATAU** Penyata Akaun Semasa **ATAU** Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun **ATAU** Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web.<br><br><u>Nota :</u><br>• Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik.<br>• Akaun bank mestilah yang masih aktif.<br>(Ahli digalakkan membawa buku akaun bank/ penyata akaun bank/ salinan akaun bank semasa membuat permohonan pengeluaran) | √ | √ |

| **BIL.** | **DOKUMEN SOKONGAN** | **PERMOHONAN KALI PERTAMA** | **PERMOHONAN SETERUSNYA** |
|---|---|---|---|
| **PENGELUARAN PENDIDIKAN ANAK/IBU BAPA/PASANGAN AHLI** | | | |
| 1. | **Kad Pengenalan Pelajar** | √ | |
| 2. | **Dokumen Bukti Pertalian**<br><br>Sijil Kelahiran Anak Ahli; **ATAU/DAN**<br>Sijil Nikah/ Perkahwinan pasangan / ibu bapa (jika anak tiri); **ATAU/DAN**<br>Sijil Pendaftaran anak angkat dari Jabatan Pendaftaran Negara (jika anak angkat). | √ | |

| BIL. | DOKUMEN SOKONGAN | PERMOHONAN KALI PERTAMA | PERMOHONAN SETERUSNYA |
|---|---|---|---|
| **PERMOHONAN BAYARAN BALIK YURAN PENGAJIAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA IPT** | | | |
| 3. | **Resit Bayaran Yuran Pengajian Yang Dikeluarkan Oleh IPT**<br>• Tidak melebihi satu tahun pada tarikh permohonan dikemukakan dan hanya boleh digunakan untuk sekali tuntutan sahaja; **DAN**<br>• Resit asal perlu dikemukakan di kaunter (Resit asal tidak perlu dikemukakan sekiranya maklumat bayaran seperti tarikh, no resit dan jumlah bayaran ada dinyatakan di dalam Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar). | √ | √ |
| 4. | **Tuntutan Bayaran Balik Tiket Penerbangan**<br>• Perlu kemukakan resit bayaran atau tiket penerbangan (mengandungi butiran nama penumpang, amaun bayaran, tarikh dan destinasi penerbangan).<br>• Kelayakan penerbangan **<u>sehala</u>** bagi pelajar IPT dalam/ luar negara semasa mendaftar untuk memulakan pengajian pada tahun pertama sahaja. | √ | |
| **PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA** | | | |
| 5. | **Salinan muka surat butiran pasport pelajar yang masih sah laku DAN**<br>a) <u>Jika pelajar **telah** ke luar negara</u><br>• Muka surat yang mengandungi tarikh dan cap Jabatan Imigresen negara berkenaan/ bayaran yuran pengajian/ Visa belajar/ Keputusan Peperiksaan sebagai bukti pelajar telah mengikuti pengajian di luar negara; **ATAU**<br>b) <u>Jika pelajar **belum** ke luar negara</u><br>• Bukti bayaran yuran pengajian atas nama IPT luar negara sebagai komitmen untuk mengikuti pengajian di luar negara. | √ | |
| **PERMOHONAN SECARA POS** | | | |
| 6. | **Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)** | √ | √ |

## PERMOHONAN MENGURANG/ MENYELESAIKAN BAKI PINJAMAN PENDIDIKAN DENGAN INSTITUSI PEMBERI PINJAMAN YANG DILULUSKAN KWSP

| BIL. | DOKUMEN SOKONGAN | JIKA PELAJAR SEDANG MENGIKUTI PENGAJIAN | | JIKA PELAJAR TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | PERMOHONAN KALI PERTAMA | PERMOHONAN SETERUSNYA | PERMOHONAN KALI PERTAMA | PERMOHONAN SETERUSNYA |
| 1. | **Perjanjian Pinjaman Pendidikan atas nama pelajar ATAU ibu bapa pelajar**<br><u>Nota:</u><br>• Diperlukan sekiranya Perjanjian Pinjaman Pendidikan di antara majikan dan pekerja (ahli).<br>• Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan boleh diterima sebagai ganti salinan Perjanjian Pinjaman Pendidikan. | √ | | √ | |
| 2. | **Penyata Baki Pinjaman Pendidikan terkini**<br>• Mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP yang asal.<br>• Tidak melebihi 3 bulan dari tarikh permohonan diterima. | √ | √ | √ | √ |
| 3. | **Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar yang asal**<br>• IPT dalam negara perlu mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP.<br>• Tempoh sahlaku surat adalah 6 bulan daripada tarikh permohonan diterima. | √ | √ | | |
| 4. | **Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian (seperti yang dinyatakan dalam Bil. 5 dalam jadual di Dokumen Utama)** | √ | √ | | |
| 5. | **Sekiranya nama kursus atau nama IPT berbeza antara sijil akademik dan penyata baki pinjaman/ perjanjian pinjaman/ surat tawaran, ahli perlu mengemukakan dokumen tambahan**<br>• Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian (seperti yang dinyatakan dalam Bil. 5 dalam jadual di Dokumen Utama); **ATAU**<br>• Surat penjelasan dari IPT tentang perbezaan tersebut. | √ | | √ | |
| 6. | **Sekiranya Institusi Pemberi Pinjaman adalah Koperasi**<br>• Sijil Pendaftaran Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia/ Jabatan Pembangunan Koperasi. | √ | | √ | |

## 2.0 PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

### 2.1 Pengajian di IPT Luar Negara

2.1.1 Surat Tawaran Belajar, Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar dan resit bayaran hendaklah dikeluarkan oleh IPT luar negara tersebut dan **BUKAN** dari agen yang dilantik oleh IPT berkenaan.

2.1.2 Semua dokumen dari IPT luar negara perlu dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. Jika menggunakan bahasa selain Bahasa Inggeris, ianya perlu disertakan bersama dengan surat terjemahan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dari IPT luar negara/ Kedutaan Negara tersebut/ Institut Terjemahan Negara/ Mahkamah/ IPTA yang bertauliah yang mempunyai kepakaran dalam bahasa berkenaan.

2.1.3 Keuntungan atau kerugian semasa proses pertukaran kadar tukaran wang asing sama ada bayaran dibuat atas IPT luar negara atau kepada ahli akan ditanggung oleh ahli. Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar tukaran semasa permohonan diluluskan.

### 2.2 Pengajian di IPT Dalam Negara

2.2.1 Resit bayaran yang layak dituntut hanyalah resit yang dikeluarkan oleh IPT tersebut sahaja. Sebarang resit bayaran yang dikeluarkan oleh pihak yang dilantik oleh IPT tempatan tidak dibenarkan walaupun surat kebenaran dari IPT ada disertakan.

2.2.2 Bagi IPTA, cek bayaran hanya boleh dibuat atas nama IPTA berkenaan sahaja. Bagi IPTS, cek bayaran hanya boleh dibuat atas nama IPTS tersebut atau kepada nama syarikat yang didaftarkan dalam surat kebenaran mengendalikan kursus oleh JPS-KPT.

### 2.3 Kursus Pengajian Yang Dibenarkan

- <u>**IPT Dalam Negara**</u>

a) <u>Kursus Pengajian Akademik</u>

Kursus pengajian akademik yang diikuti sepenuh masa, separuh masa atau program jarak jauh yang ditawarkan oleh :-

- Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);
- Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan (IPTK) seperti politeknik, kolej komuniti, institusi pendidikan atau mana-mana IPT di bawah seliaan agensi Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri;
- Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi (JPS-KPT) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- Kampus cawangan universiti luar negara yang telah mendapat kelulusan dari JPS-KPT atau MQA.

b) <u>Kursus Pengajian Profesional dan Kursus Kemahiran</u>

- Kursus pengajian profesional/ kursus kemahiran yang menjalankan sesi pembelajaran secara interaksi bersemuka di antara pelajar dan pensyarah yang telah diluluskan oleh JPS-KPT/ MQA atau yang telah dinilai taraf oleh Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **ATAU** mana-mana Badan-Badan Profesional yang diiktiraf oleh Kerajaan setara dengan peringkat Diploma dan ke atas.

- Walau bagaimanapun, kursus profesional yang termasuk dalam senarai kelulusan KWSP yang dijalankan secara maya (online) dengan badan profesional di luar negara tanpa melibatkan IPT dalam negara boleh dipertimbangkan untuk kelulusan.

- Senarai penuh kursus profesional/ kursus kemahiran yang diluluskan dan tidak diluluskan untuk Pengeluaran Pendidikan boleh diperolehi di laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my atau di mana-mana kaunter perkhidmatan KWSP yang berhampiran.

c) <u>Kursus Vokasional dan Kemahiran</u>

- Kursus vokasional dan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia bahawa kursus tersebut adalah setara di peringkat sijil tahap 3, diploma (tahap 4) dan diploma lanjutan (tahap 5).

- <u>**IPT Luar Negara**</u>

Kursus pengajian **sepenuh masa** di IPT luar negara tertakluk kepada peringkat pengajian yang diluluskan.

- <u>**Program Pendidikan Jarak Jauh atau Pengajian Secara 'Off Shore' Dengan IPT Luar Negara**</u>

  - Kursus pengajian jarak jauh atau pengajian secara 'off shore' dengan IPT luar negara yang dijalankan secara usahasama dengan IPT dalam negara dan telah mendapat kebenaran serta kelulusan dari JPS-KPT sahaja dibenarkan. Pengajian yang dibuat secara terus dengan IPT luar negara atau melalui ejen tempatan dan ejen luar negara tidak dibenarkan.

- **Program Francais**
  - Kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS secara francais dengan IPTA.
  - Kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS secara francais dengan IPT luar negara dan telah menerima ‘Surat Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian’ yang dikeluarkan oleh JPS-KPT.

**2.4 Pelajar telah tamat pengajian dan mempunyai yuran tertunggak di IPT**

Pelajar layak memohon dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh tamat pengajian.

**2.5 Kekerapan Pengeluaran Yang Dibenarkan**

- Ahli dibenarkan memohon pengeluaran untuk membayar yuran pengajian setiap semester ATAU satu tahun akademik.
- Ahli boleh memohon mengeluarkan simpanan ahli sekali bagi setiap semester/ tahun akademik bagi setiap orang anak.
- Ahli boleh memohon pengeluaran ini bersama suami/ isteri untuk membiayai yuran pengajian anak ahli.
- Ahli dan pasangan (suami/isteri) boleh memohon pengeluaran ini untuk membiayai yuran pengajian pasangan (suami/isteri).
- Ahli boleh memohon pengeluaran ini untuk membiayai yuran pengajian ibu bapa.

2.6 KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

2.7 Ahli dinasihatkan menyemak kelayakan di risalah pengeluaran/ maklumat lanjut di laman web KWSP (myEPF) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan pengeluaran.

2.8 KWSP tidak mengeluarkan sebarang resit atas bayaran pengeluaran yang dibuat kepada pihak ketiga.

**2.9 Kegagalan Mengembalikan Amaun Yang Tidak Digunakan Bagi Maksud Pengeluaran**

Sekiranya pemohon tidak menggunakan bayaran pengeluaran bagi maksud pengeluaran dibuat, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 58A, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

**2.10 Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

**2.11 Pertuduhan ahli bagi kes fraud masih belum diselesaikan di mahkamah**

KWSP mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan permohonan pengeluaran bagi jenis pengeluaran yang sama sekiranya pertuduhan ahli bagi kes fraud masih belum diselesaikan di mahkamah sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 59(1A) Akta KWSP 1991.

## 3.0 PENGESAHAN DOKUMEN

- Bagi serahan borang permohonan di kaunter KWSP, sila bawa bersama dokumen asal berserta salinan dokumen bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP (jika belum dibuat pengesahan dokumen).
- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP lengkap dengan nama, jawatan dan cop rasmi pengesah kecuali bagi salinan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan oleh KWSP sebagai pegawai pengesahnya.

**3.1 PEGAWAI PENGESAH DOKUMEN BAGI PERMOHONAN DALAM NEGARA**

| BIL. | DOKUMEN | NAMA PEGAWAI PENGESAH |
|---|---|---|
| 1. | Salinan Kad Pengenalan Diri dan Dokumen-Dokumen Sokongan Lain | • Pegawai KWSP yang terdiri daripada :-<br>i. Pegawai KWSP Gred 18/ G5 dan ke atas<br>ii. Pegawai Kaunter KWSP<br>• Majikan Pemohon<br>• Ketua Kampung/ Penghulu/ Penggawa<br>• Jaksa Pendamai<br>• Peguam<br>• Pegawai Kerajaan/ Badan Berkanun/ Agensi Kerajaan Dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional<br>• Ahli Dewan Undangan Negeri<br>• Ahli Parlimen<br>• Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK)/ Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Salinan Resit Pembayaran Yuran Pengajian | • Pegawai Institusi Pengajian Tinggi<br>• Pegawai Kaunter KWSP/ Pegawai KWSP Gred 18/G5 dan ke atas |
| 3. | Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian dan mana-mana dokumen yang sumbernya dikeluarkan oleh IPTS | Pegawai IPTS |

### 3.2 PEGAWAI PENGESAH DOKUMEN BAGI PERMOHONAN LUAR NEGARA

| BIL. | DOKUMEN | NAMA PEGAWAI PENGESAH |
|---|---|---|
| 1. | Semua Dokumen | • Kedutaan Malaysia<br>• Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat Malaysia<br>• Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia<br>• Notari Awam *('Public Notary')*<br>• Ketua Pejabat Pelajar Antarabangsa Universiti berkenaan |

## 4.0 CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos ke alamat berikut:

JABATAN PENGURUSAN TRANSAKSI
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
P.O. Box 00220 Jalan Sultan,
46720 Selangor Darul Ehsan.

PANDUAN MENGISI BORANG INI ADALAH MERUJUK KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UTAMA DI DALAM BORANG PERMOHONAN

**(RUANGAN E1) SENARAI NAMA BANK PANEL KWSP BAGI BAYARAN PENGKREDITAN TERUS KE AKAUN AHLI**

Sila pilih salah satu sahaja nama bank daripada senarai Bank Panel KWSP yang menyediakan perkhidmatan Pengkreditan Terus seperti berikut :-

- Affin Bank Berhad
- Agrobank Berhad
- Alliance Bank Berhad
- Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
- AM Bank Berhad
- Bank Islam Berhad
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Berhad
- Bank Simpanan Nasional
- CIMB Bank Berhad
- Citi Bank Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- HSBC Amanah Malaysia Berhad
- HSBC Bank Berhad
- Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
- Maybank Berhad
- OCBC Bank Berhad
- Public Bank Berhad
- RHB Bank Berhad
- Standard Chartered Bank Berhad
- Standard Chartered Sadiq Berhad
- United Overseas Bank Berhad

**(RUANGAN E1 & E2) SENARAI MATAWANG ASING YANG DIBENARKAN BAGI BAYARAN DRAF BANK ASING KEPADA AHLI / IPT**

Sila pilih salah satu sahaja matawang asing daripada senarai berikut sekiranya ahli memilih bayaran secara Draf Bank Asing :-

- Brunei Dollar (BND)
- Canadian Dollar (CAD)
- Euro (EUR)
- Hong Kong Dollar (HKD)
- Pakistani Rupee (PKR)
- Saudi Riyal (SAR)
- Singapore Dollar (SGD)
- US Dollar (USD)

**(RUANGAN F) PENGESAHAN PEMOHON**

Sila turunkan tarikh permohonan serta cap ibu jari kanan dan kiri pemohon. Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan **TERANG DAN JELAS** dengan menggunakan **PAD CAP IBU JARI BERWARNA HITAM** di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah.



# PERMOHONAN PENGELUARAN PENDIDIKAN

**KWSP 9H (AHL)**

SILA GUNAKAN PEN DAKWAT HITAM SAHAJA DAN PENGGUNAAN CECAIR PEMADAM TIDAK DIBENARKAN

## (A) KATEGORI PEMOHON - Sila tandakan (x) salah satu sahaja

Pemohon adalah pelajar ☐ Pemohon bukan pelajar ☐

## (B) MAKLUMAT PEMOHON

1. Nombor Ahli (Tidak perlu diisi oleh pemegang MyKad)
2. Nombor MyKad ______ - __ - ____
3. Nombor Polis / Tentera / Pasport
4. Nama
5. Alamat Surat Menyurat

Poskod Bandar

Negeri

6. Nombor untuk Dihubungi

Telefon Bimbit ___ - _______ Pejabat

Alamat e-mel Rumah

7. Bersetuju Maklumat (5) dan (6) Di Atas Dikemas Kini Dalam Rekod KWSP Ya ☐ Tidak ☐

## (C) MAKLUMAT PELAJAR (Hanya perlu diisi sekiranya pelajar bukan pemohon)

1. Nama Pelajar
2. No. Pengenalan Diri

Tandakan (x) yang berkenaan: MyKad ☐ Pasport ☐ Lain-lain ☐

3. Pertalian Dengan Pemohon

Tandakan (x) yang berkenaan

**Bapa:** Kandung ☐ Tiri ☐ Angkat ☐ **Anak** : Kandung ☐ Tiri ☐ Angkat ☐

**Ibu:** Kandung ☐ Tiri ☐ Angkat ☐ **Suami/Isteri** : ☐

## (D) MAKLUMAT PENGAJIAN – Dilengkapkan untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Luar Negara sahaja

1. Nama IPT
2. Nama Kursus
3. Tahap Pengajian
4. Tarikh Pengajian Bermula __ - __ - __
5. Tempoh Pengajian
6. Tahun Akademik Semasa
7. Semester/Penggal Semasa

## UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA

**Status Pengeluaran :**

☐ Kali Pertama

☐ Kali Kedua dan seterusnya

**Permohonan Bersama :**

☐ Proses semakan telah dibuat di peringkat pendaftaran

**Jenis IPT :**

☐ IPTA

☐ IPTS bertaraf universiti / kolej universiti / kampus luar negara

☐ IPTS lain-lain

☐ IPT Luar Negara

**Tahap Pengajian atau setaraf :**

☐ Sijil (Tahap 3)

☐ Diploma/Diploma Eksekutif/ HND/Diploma Lanjutan

☐ Sarjana Muda/Bachelor Degree/

☐ Sarjana/Master

☐ Doktor Falsafah/Ph.D

☐ Kursus Profesional/ Kemahiran/ Vokasional

Cap Tarikh Terima

**Nombor Ahli** | | | | | | | | |

## (E) MAKLUMAT YURAN DAN AMAUN BAYARAN - Amaun Dimohon Tertakluk Kepada Kelayakan Pengeluaran

**Sila nyatakan jenis mata wang seperti RM, USD, AUD, GBP, SGD dan sebagainya**

| | Kod Mata wang | Amaun |
|---|---|---|
| 1. Amaun Yuran Pengajian Setahun | | |
| 2. Amaun Bayaran Kepada Ahli | | |
| 3. Amaun Bayaran Kepada Institusi Pengajian Tinggi | | |
| 4. Amaun Bayaran Kepada Institusi Pemberi Pinjaman | R M | |

Nota :

Bagi IPT luar negara, pengiraan amaun kelayakan dan kadar tukaran wang asing yang diambil kira ialah pada tarikh permohonan diluluskan.

## (E1) BAYARAN KEPADA AHLI - Sila tandakan (x) salah satu sahaja

1. Cara Bayaran
   - Pengkreditan Terus ☐
   - Cek Jurubank ☐
   - Draf Bank Asing ☐ Jenis Mata wang:

   Rujuk Senarai Mata wang Asing yang dibenarkan dalam Panduan Mengisi Borang
2. Nama Bank Panel KWSP
3. Nombor Akaun

   } Jika Pengkreditan Terus
4. Cara Penerimaan Cek Jurubank / Draf Bank Asing
   - Kaunter ☐ Nyatakan Cawangan KWSP :
   - Pos ke Alamat Pemohon ☐

## (E2) BAYARAN KEPADA IPT LUAR NEGARA – Bayaran secara Draf Bank Asing sahaja

1. Nama Penerima Bayaran (tidak melebihi 40 aksara)
2. Pilihan Mata wang

   Rujuk Senarai Mata wang Asing yang dibenarkan dalam Panduan Mengisi Borang
3. Cara Penerimaan Draf Bank Asing
   - Kaunter ☐ Nyatakan Cawangan KWSP :
   - Pos ke Alamat Pemohon ☐

## (E3) BAYARAN KEPADA IPT DALAM NEGARA/INSTITUSI PEMBERI PINJAMAN

Jika tiada kemudahan pengkreditan terus, **bayaran akan dibuat secara Cek Jurubank menerusi pos berdaftar dan dipos ke alamat Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara/ Institusi Pemberi Pinjaman.**

Sila isikan dengan lengkap ruangan di bawah sekiranya Alamat Penerima Bayaran tidak dinyatakan dalam Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar/ Penyata Baki Pinjaman Pendidikan.

Alamat Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara/ Institusi Pemberi Pinjaman

----------------------------------------

----------------------------------------

----------------------------------------

## (F) PENGESAHAN PEMOHON

1) SAYA MENGESAHKAN SEMUA MAKLUMAT DAN DOKUMEN YANG DIBERIKAN BAGI PERMOHONAN INI ADALAH BETUL DAN BENAR.
2) SAYA MEMAHAMI SEKIRANYA SAYA MEMBUAT APA-APA KENYATAAN YANG TIDAK BETUL ATAU TIDAK BENAR ATAU MENGEMUKAKAN ATAU MEMBERIKAN APA-APA DOKUMEN PALSU, IA MERUPAKAN SUATU KESALAHAN DAN BOLEH MENYEBABKAN SAYA DIDENDA ATAU DIPENJARA ATAU KEDUA-DUANYA.
3) SAYA MEMAHAMI BAHAWA AMAUN YANG AKAN DITERIMA DARI KWSP BERTUJUAN UNTUK PENGELUARAN DI ATAS DAN SEKIRANYA TIDAK DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN PENGELUARAN INI AMAUN TERSEBUT PERLU DIKEMBALIKAN KEPADA KWSP DALAM TEMPOH ENAM BULAN DARIPADA TARIKH PENGELUARAN.
4) SAYA DENGAN INI MEMBENARKAN PIHAK KWSP UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG BERKAITAN BAGI MAKSUD PENGELUARAN INI DARIPADA MANA-MANA PIHAK YANG BERKENAAN DAN SAYA MEMBENARKAN PIHAK TERSEBUT UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BERKAITAN KEPADA PIHAK KWSP.
5) SAYA MEMBENARKAN KWSP MEMBUAT BAYARAN TERUS KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ATAU INSTITUSI PEMBERI PINJAMAN DIMANA YANG BERKENAAN. SAYA MENGAMBIL MAKLUM RISIKO KERUGIAN PERTUKARAN MATA WANG ASING BAGI PEMBAYARAN MELALUI DRAF BANK ASING DAN SAYA TIDAK AKAN MEMBUAT APA-APA TUNTUTAN DARI KWSP JIKA BERLAKU KERUGIAN LANJUTAN DARI PILIHAN SAYA UNTUK PEMBAYARAN TERSEBUT.
6) SAYA DENGAN INI MENURUNKAN CAP IBU JARI KIRI DAN KANAN DI ATAS BORANG PERMOHONAN INI DAN SAYA MENGAKUI BAHAWA CAP IBU JARI KIRI DAN KANAN INI ADALAH MILIK SAYA.

**CAP IBU JARI KIRI** | **CAP IBU JARI KANAN**

Tarikh Permohonan : ____________________